

# 'Mini Dhaka' kembali jadi tumpuan penjaja asing

Peminta sedekah etnik Rohingya turut berkeliaran, bertindak agresif

Oleh Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** 'Mini Dhaka' yang terletak di Jalan Silang dan Lebu Pudu, di sini, 'meriah' dengan kehadiran warga asing yang menjaja di sekitar kawasan kaki lima.

Tinjauan *BH* semalam mendapati, rata-rata penjaja di situ terdiri warga Bangladesh dengan lebih 10 penjaja menjual bara-

ngan seperti manis, sirih, rokok seludup dan juga ikan di sepanjang kaki lima.

Seorang penjaja ikan warga Bangladesh, berkata bekalan ikan yang dijualnya diperoleh daripada kedai berhampiran.

"Saya dapat ikan ini daripada kedai di belakang sana (berhampiran Jalan Silang). Bekalan ini pula mereka peroleh dari Myanmar. Seekor ikan saya jual pada harga RM11," katanya ketika ditemui.

Ketika *BH* ingin mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut, peniaga itu secara tiba-tiba meninggalkan jualanannya dan beredar ke tempat lain, seolah-olah mahu melarikan diri apabila ditanya soalan oleh wartawan.

Selain itu, tinjauan juga mendapati, terdapat beberapa pemin-



Sebahagian warga asing yang tak serik berniaga di kaki lima ketika tinjauan di sekitar Jalan Silang, Kuala Lumpur. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

ta sedekah daripada etnik Rohingya yang berkeliaran di kawasan itu.

Sekiranya tidak diberikan wang, mereka akan bertindak agresif seperti menarik baju untuk menghalang pejalan kaki daripada pergi ke tempat lain.

## Peniaga tempatan terjejas

Tidak jauh dari Jalan Silang pula, sebuah stesen bas Rapid KL turut kelihatan dipenuhi warga asing yang berpusu-pusu menggunakan pengangkutan awam sedia ada.

Peniaga air balang yang hanya mahu dikenali Putra berkata, situasi itu di kawasan itu adalah normal terutama ketika musim perayaan.

"Walaupun hari ini (semalam)

boleh dikatakan ramai warga asing, sebenarnya bilangan mereka sudah banyak berkurangan berbanding tahun lalu. Sebelum operasi membanteras 'Mini Dhaka', mereka lebih ramai dan kini (warga asing) lebih berhati-hati.

"Apabila dikelilingi warga asing ini, saya akui sedikit sebanyak agak takut, tetapi saya mahu mencari rezeki terpaksa beranikan diri.

"Peniaga warga asing ini juga mengganggu perniagaan saya kerana mereka menghalang lalu-lalu. Walaupun kawasan ini dibanjiri manusia, namun jualan tidak menguntungkan. Sehingga jam 1 tengah hari tadi (semalam), saya hanya dapat jual 10 kelapa," katanya.

Pada 21 Disember lalu, *BH* me-

laporkan lebih 1,000 anggota dan pegawai polis daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) mengepung 'Dhaka mini' di Jalan Silang.

Serbuan bermula jam 11 pagi itu menumpukan koloni warga asing yang dilihat semakin 'besar kepala' dengan berlagak seperti warga tempatan.

Anggota pasukan keselamatan lengkap bersenjata dan peralatan khas dilihat mula memecah masuk ke setiap premis membabitkan empat blok di jalan berkenaan bagi menjejak warga asing yang cuba melarikan diri.

Difahamkan, serbuan dijalankan bagi menangani banjiriran warga asing di Jalan Silang dan perniagaan yang dimiliki serta menggajikan warga asing secara haram.